

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI (PADANG
SERAI)**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Kementerian harus menguatkuasakan undang-undang yang lebih tegas dan memberi kuat kuasa sepenuhnya kepada pihak polis untuk mengambil langkah-langkah dan tindakan ke atas orang awam yang meletupkan mercun menggunakan tanda-tanda gangsterisme, bermain judi dan minum arak. Gejala ini perlu dihentikan dengan segera supaya tidak menjejaskan masyarakat dan generasi muda akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Larangan bermain mercun sepertimana diputuskan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Januari 2012 masih berkuatkuasa dan dikekalkan. Walau bagaimanapun, sebarang kelonggaran terhadap larangan tersebut seperti penganjuran acara, majlis atau pertunjukan tertentu adalah tertakluk kelulusan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dalam hal ini, permit dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia mengikut peruntukan di bawah Akta Bahan Letupan 1957 dan Peraturan di dalam *Explosives Rules* 1923.

Sebarang penyalahgunaan mercun akan diambil tindakan di bawah Akta Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, Akta Bahan Letupan 1957 dan Akta Kesalahan Kecil 1955. Pihak polis tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sebagaimana diperuntukkan undang-undang berkaitan isu ini. Tindakan penguatkuasaan, pengawalan dan pemantauan sentiasa diperketatkan bukan sahaja kepada pembeli atau pengguna, tetapi juga kepada pengimport dan penjual bunga api.

Sekiranya terdapat sebarang unsur-unsur gengsterism dikesan, pihak polis akan mengambil tindakan berdasarkan bukti yang diperolehi dalam penyiasatan. Pendakwaan akan dibuat terhadap mana-mana individu yang terbabit dengan kumpulan jenayah atau keganasan tanpa mengira latar belakang, kaum, agama mahupun fahaman politik.